

TEORI VYGOTSKY DALAM PEMBELAJARAN MURID DAN KAITAN DENGAN CIRI MURID BEKERPERLUAN KHAS PENGLIHATAN

*Vygotsky Theory in Students' Learning and Its Relation to Characteristics of
Students with Visual Impairments Special Needs*

***Zur'ain Harun¹, Mohd Izzuddin Mohd Pisol¹, Hazlin Falina Rosli², Zetty Nurzuliana Rashed¹,
Muhammad Najib Abdul Halim¹, Norakyairee Mohd Raus³, Hafizhah Zulkifli⁴**

Submitted: 21-May-2022
Accepted: 04-Jun-2022
Revised: 26-Jun-2022
Published: 30-Jun-2022

¹Fakulti Pendidikan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

²Fakulti Pengurusan & Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

⁴Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: zurain@kuis.edu.my

Abstrak

Model Konstruktivisme Vygotsky adalah paradigma perubahan yang membawa sistem pendidikan berpusatkan guru kepada pembelajaran berpusatkan murid. Model ini menekankan corak pembelajaran secara aktif yang menekankan aspek interaksi dan persekitaran mempengaruhi kepada pembentukan dan perkembangan ilmu sedia ada pelajar. Pedagogi Pendidikan Khas dilihat mula menggunakan teori ini dalam memastikan minat pelajar ada secara berterusan mampu tercapai dengan konsep yang diperkenalkan. Di akhir perbincangan ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat Empat aspek yang menghubungkan dengan pembelajaran murid berkeperluan khas yang dibina berasaskan empat elemen penting dalam Vygotsky: 1) Zon Perkembangan Proximal (*Zone Proximal Development*) 2) Komunikasi Interpersonal (*Interpersonal Communication*), 3) Pembelajaran bersama (*Cooperative Learning*) dan 4) Pedagogi Sosial (*Social Pedagogical*).

Keywords: Konstruktivisme, Murid Berkeperluan Khas, OKU, Penglihatan

Abstract

Vygotsky's Model of Constructivism is a change that brings the education system from a teacher-centered learning paradigm to a pupil-centred learning. This model emphasises the aspect of active learning that sees at the aspects of interaction and the environment that can lead to the formation and development of the existing knowledge of the students. Special Education Pedagogy is seen to have started to use this theory to ensure that students' interest is persistent and be able to be achieved by the concept introduced. At the end of this discussion, four aspects related to the learning of students with special needs are built on four important elements in Vygotsky: 1) Zone Proximal Development) 2) Interpersonal Communication, 3) Cooperative Learning and 4) Social Pedagogical.

Keywords: Constructivism, Special Need Student, Visual Impairments.

1.0 PENDAHULUAN

Model pembelajaran yang kurang kepelbagaian menyebabkan pelajar kurang motivasi dan pasif dalam pembelajaran (Pornamasari, 2017). Model pembelajaran yang digunakan guru sangat penting dalam menentukan suasana pembelajaran aktif. Maka, lahirlah aliran pedagogi yang menyarankan pembelajaran secara berkumpulan yang memberikan peluang kepada pelajar untuk menyuarakan idea serta memberikan pertimbangan jawapan yang sesuai dengan aktiviti pembelajaran. Ia dapat mendorong dan menggalakkan pelajar untuk bekerjasama dalam menyelesaikan sesuatu tugas. Ini dikenali dengan konsep pembelajaran koperatif dimana pembelajaran terhasil melalui kerja berkumpulan yang dibimbing oleh guru. Secara tidak langsung, ianya dikaitkan dengan pembelajaran dalam kehidupan sebenar pelajar melalui aktiviti penyesuaian sosial budaya (Moll & Greenberg, 1990).

Kesedaran interaksi sosial amatlah penting dalam proses perkembangan individu. Interaksi bersama guru, ibubapa, rakan dan komuniti perlu bagi mengukuhkan pengetahuan yang dimiliki. Maka, proses pembelajaran bermula dengan jaringan yang kuat, luas serta mendalam yang membawa kepada penyebaran pertukaran pengetahuan serta nilai-nilai sosial. Secara analoginya, melalui interaksi sosial pembelajaran akan tercetus secara aktif, penglibatan komunikasi dua hala, wujudnya kecerdasan murid dalam menerima pelbagai maklumat dari rakan kumpulan. Ini disokong oleh Budiningsih (2003) melalui pernyataan perubahan interaksi sosial yang berlaku mempengaruhi perkembangan proses pembelajaran yang membawa hubungan antara manusia yang saling memerlukan. Maka, perbincangan berikutnya, membincangkan keperluan murid berkeperluan khas kepada pembelajaran yang mendukung aspek sosial.

2.0 CIRI – CIRI MURID BEKEPERLUAN KHAS PENGLIHATAN

Murid Kekurang Upayaan (OKU) penglihatan memerlukan sokongan bagi melaksanakan aktiviti pembelajaran. Aspek sokongan adalah meliputi panduan dan arahan, akses kemudahan dan keselesaan fasiliti dan lain-lain. Bagi menggalakkan penyertaan OKU dalam aktiviti sosial, kerajaan perlu menyediakan fasiliti mesra OKU seperti persekitaran bebas halangan, mesra fasiliti dan peralatan khusus di dalam dan luar bangunan serta ruang awam.

Antaranya lagi, penekanan kepada kemahiran *braille* diperlukan bagi komuniti OKU Penglihatan dan perlu dipupuk untuk dipelajari di peringkat sekolah rendah lagi. Hal ini wajar diberi perhatian kepada golongan ini agar dapat melakukan rutin harian yang baik yang dapat mengurangkan kebergantungan kepada orang lain. Dalam masa yang sama, murid ini mempunyai kekuatan pendengaran yang membantu mereka menjalankan aktiviti pembelajaran. Murid perlu berusaha dengan meletakkan sepenuhnya keyakinan dalam melakukan sesuatu aktiviti dengan bantuan sokongan ibubapa, guru dan masyarakat.

Kanak-kanak yang berhadapan dengan masalah penglihatan akan mempengaruhi keterbatasan dan gangguan terhadap pembelajaran. Kanak-kanak ini cenderung berhadapan dengan penglihatan yang terbatas atau buta kekal. Maka, kelebihan pencaindera pendengaran dan sentuhan memainkan peranan penting kepada OKU penglihatan. Melalui kajian UNICEF (2017) murid OKU penglihatan mempunyai kecerdasan yang normal dari aspek perkembangan pembelajaran namun memerlukan sokongan pihak lain. Walaubagaimanapun, terdapat kanak-kanak OKU penglihatan yang mengalami masalah pendengaran

dan perkembangan psikomotor yang terhad. Hal ini kerana pergerakan yang terhad yang menyebabkan perkembangan personaliti yang kurang baik.

3.0 CIRI-CIRI MASALAH PENGLIHATAN ATAU BUTA

Kanak-kanak yang mengalami kecacatan penglihatan yang kronik kebiasannya dapat dikesan dari peringkat pra sekolah. Hewett dan Forness (1974), menyatakan kecacatan ini boleh dikesan melalui tiga cara iaitu rupa, tingkahlaku, dan aduan. Hal ini diakui oleh *The National Society For The Prevention of Blindness* (1972) menyatakan ia boleh dikesan melalui:

Aspek Rupa: Kanak-kanak yang cacat penglihatan berbeza daripada kanak-kanak normal seperti berikut:

- a) Matanya sangat sensitif pada cahaya.
- b) Bahagian tepinya berwarna merah.
- c) Kelopak matanya bengkak
- d) Matanya selalu berair
- e) Juling iaitu memutarakan matanya bila melihat
- f) Bintik-bintik putih di tengah mata.

Aspek Tingkahlaku: Tingkahlaku kanak-kanak yang mengalami kecacatan penglihatan juga boleh dikesan melalui:

- a) Menggosok dan mengerdip mata dengan berlebihan
- b) Selalu mengerutkan mata
- c) Suka menutup dan melindungi sebelah mata
- d) Mendekatkan kepala bagi melihat sesuatu mata.
- e) Susah untuk membaca atau melakukan sesuatu kerja dan perlu mendekatkan objek pada mata
- f) Kerap menangis
- g) Memegang kepala dengan cara luar biasa
- h) Kerap melanggar sesuatu dan terjatuh apabila berjalan.

Aspek Aduan: Kanak-kanak yang mengalami sesuatu masalah biasanya kan menyatakan tidak puas hatinya untuk mendapatkan perhatian. Ciri-ciri bagi kanak-kanak yang mengalami masalah kecacatan penglihatan ialah:

- a) Mengadu melihat objek yang tidak jelas atau nampak
- b) Merasa sakit kepala bila membuat sesuatu kerja
- c) Pandangan sentiasa kabur
- d) Mengadu nampak dua imej pada sesuatu (*double vision*)

4.0 KONSEP KONSTRUKTIVISME -VYGOTSKY


Asas teoritikal kurikulum yang diperkenalkan Vygotsky adalah dibangunkan melalui falsafah *Constructivism* yang membawa maksud 'membina'. Berdasarkan konteks pembelajaran teori konstruktivisme menegaskan bahawa ilmu tidak boleh wujud di luar minda, tetapi dibina dalam minda berdasarkan pengalaman. Teori yang dibangunkan ini adalah gabungan hasil tiga perspektif iaitu: ahli psikologi, ahli falsafah dan ahli penyelidik pendidikan. Maka, Hardy and Taylor (1997) melalui penelitian penyelidikan Van Galserfeld berandaikan kepada tiga prinsip berikut:

- a) Ilmu pengetahuan dibentuk oleh individu yang mengambil inisiatif sendiri.
- b) Tujuan membentuk ilmu adalah mengubahsuai diri dalam alam sekitarnya.
- c) Proses pembentukan ilmu merupakan hasil rasionalisasi pengalaman individu.

5.0 KONSEP KONSTRUKTIVISME VYGOTSKY DALAM PEMBELAJARAN

Lev Vygotsky merupakan tokoh pemikiran yang lahir melalui aliran konstruktivisme. Teori ini adalah desakan yang dilakukan oleh Vygotsky pada era pemerintahan Soviet di Rusia pada tahun 1900-1940. Keperluan dalam merombak corak pengajaran dan pembelajaran di Rusia yang dilihat rigid dalam aspek komunikasi satu hala, berpusatkan guru dan kurikulum berpusat. Maka, gerakan yang dinamakan '*Social-Pedagogical Movement*' diperkenalkan bagi penstrukturan semula sistem pendidikan. Beliau memperkenalkan *Zone of Proximal Development (ZPD)* bagi menekankan pembentukan kurikulum yang melibatkan unsur interaksi dan persekitaran (Ghani, et al. 2017).

Oleh itu, bagi mencapai objektif penulisan ini empat aspek akan dibincangkan yang akan membantu dalam memahami perbincangan iaitu; 1) ZPD (Scaffold) ; 2) Komunikasi Interpersonal; 3) Pengalaman kolektif; 4) Pedagogi Sosial



Rajah 1: Zon Perkembangan Proximal Vygotsky (Sang 2010)

Pertama, Zon Perkembangan proksimal merujuk kepada perkembangan potensi pelajar dalam menyelesaikan masalah melalui usaha sendiri, kerjasama rakan atau dengan bantuan orang dewasa. Ilmu pengetahuan dibina melalui proses yang saling mempengaruhi dengan pengalaman sedia ada. Maka, pelajar digalakkan untuk menambah dan membina ilmu pengetahuan baru dengan cara melibatkan dirinya secara aktif. Secara ringkasnya, individu atau pelajar melihat dirinya secara aktif dalam pembelajaran dan bukan menerimanya secara pasif. Maka, secara tidak langsung perkembangan ilmu akan berlangsung secara evolusi.

5.1 Bagaimana ZPD dapat membantu pelajar MBK Penglihatan?

Terdapat satu terma khusus yang diperkenalkan oleh Vygotsky bagi membantu pelajar MBK Penglihatan ialah Tiflo-Pedagogika yang membawa maksud pedagogi bagi masalah penglihatan dan buta sepenuhnya (Gindis 1999). Perkin School of Blind melalui kajian di Amerika menekankan strategi pedagogi yang dicadangkan bagi membantu pertumbuhan Zon Proksimal kepada MBK Penglihatan adalah melalui '*hands on and meaningful experiences*'. Kajian menunjukkan penekanan melalui kaedah ini adalah yang terbaik dalam pendekatan dalam memperkenalkan murid kepada kemahiran membaca (*literacy skills*) (Perkin School for the Blind 2022). Hal ini juga disokong oleh kajian di Malaysia, dimana aktiviti pembelajaran berpusatkan aktiviti, dan penyelesaian masalah membantu memperkayakan murid dalam menstruktur kosa kata yang baru berbanding pembelajaran secara verbal sahaja (Choi, et al. 2020). Penggunaan zon perkembangan proksimal ini dapat memfokuskan kepada perkembangan teori pembelajaran dan kognitif pelajar tidak boleh dipisahkan daripada konteks sosial.

Kedua, Komunikasi Interpersonal membantu tunas-tunas perkembangan digilap oleh interaksi sekeliling yang membawa kepada minat pelajar untuk belajar. Dalam erti kata lain, pengalaman pembelajaran boleh terjadi melalui interaksi murid dan guru, interaksi murid dan rakan-rakan, interaksi murid dengan diri sendiri. Beebe,

Beebe and Redmond (2014) menyatakan komunikasi interpersonal berlaku melibatkan penglibatan manusia dalam mencari '*mutual influence*', atau dalam erti kata lain pengaruh dan keserasian.

5.2 Mengapakah Komunikasi Interpersonal penting didalam konstruktivisme Vygotsky?

Pedagogi inklusif perlukan sokongan dan perangsang secara emosi dan fizikal (Beebe, Beebe and Redmond 2014). Emosi yang ditekankan adalah dari aspek afektif (*Affective Domain*) yang diperkenalkan oleh Ying, Hong and Aeria (2017). Lima tunjung dalam mewujudkan afektif domain dalam diri MBK adalah:

- a) *Receiving* (Elemen menerima dan memperhatikan)
- b) *Responding* (Memberi maklumbalas)
- c) *Valuing* (Menilai)
- d) *Organization* (Mengatur dan mengorganisasikan)
- e) *Characterization by value* (Menghargai nilai)

Teori yang di tambah baik oleh Anderson dan Krathwol pada tahun 1990an ini adalah rentetan daripada taksonomi pembelajaran oleh Bloom. Penambahbaikan ini dibuat sebagai cerminan pedagogi yang relevan pada abad ke-21. Sebagai contoh pelajar diberikan tugas bersama kumpulan untuk mempersembahkan nyanyian lagu rakyat di dalam kelas. Keterlibatan bersama rakan-rakan membantu meningkatkan kosa kata, mengorganisaai bentuk persembahan, menghargai idea rakan kumpulan lain, serta dibantu oleh guru muzik. Pembelajaran yang secara tidak langsung membawa kepada aktif dan bukan pasif membantu kelima-lima elemen ini berfungsi secara tidak langsung. Maka, perbincangan seterusnya membawa kepada pengalaman kolektif yang menjadi sokongan, perangsang dan pengukuhan dalam pembelajaran loncatan bagi mencapai proses ZPD yang lengkap.

Ketiga, pengalaman kolektif (*Cooperative learning*) merupakan tunjang dalam pedagogi pembelajaran pendidikan khas. Fullan and Scott (2014) telah menjelaskan bahawa untuk menterjemahkan pengalaman kolektif iaitu memastikan murid belajar, guru mestilah diberikan latihan dan pendedahan secukupnya agar mengutamakan pembelajaran murid berbanding pengajaran guru dalam setiap aspek. Ruang dan peluang yang adil dan saksama perlu diberikan kepada setiap murid untuk belajar kerana mereka mempunyai hak yang sama untuk mendapatkan ilmu pengetahuan sesuai dengan slogan "Pembelajaran Untuk Semua". Hal ini bermakna, pembelajaran yang berlaku tidak hanya bergantung semata-mata oleh guru kepada murid. Tetapi, pengalaman pengajaran dan pembelajaran boleh berlaku diantara interaksi pelbagai aspek. Ini ditegaskan melalui kajian oleh Mohamad, Abdul Razak and Megat Daud (2021) iaitu dengan mengenal pasti perbezaan-perbezaan yang ada pada murid-muridnya dan akan segera mengatasi masalah yang wujud antara murid-murid khususnya terutama murid-murid yang mempunyai kepelbagaian tahap kecerdasan.

Faedah daripada teori Vygotsky ini dapat memberikan peluang dan potensi kepada pembelajaran pelajar, pembelajaran dapat diarahkan kepada strategi mengembangkan keintelektual pelajar, memberikan pendedahan yang luas kepada pengetahuan melalui langkah-langkah yang betul dalam menyelesaikan masalah, proses pembelajaran yang memberikan makna yang kukuh dan menjayakan proses pembelajaran melalui kerjasama semua pihak. Perbincangan berikutnya, akan membantu memahami keseluruhan pedagogi sosial yang dicadangkan oleh Vygotsky.

Keempat, pedagogi pembelajaran sosial merupakan pedagogi yang ditekankan pada abad ke-21. Pedagogi ini sudah mula diperkenalkan pada era Vygotsky yang dilihat pengalaman pembelajaran boleh didapati dari pelbagai pihak.

Moskaliuk, Bokhorst and Cress (2016) mengatakan "*Learning from each others*" adalah perubahan radikal yang berlaku dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Implikasi teori belajar berasaskan sosial budaya oleh Vygotsky ini membantu dalam memberikan penerapan pembelajaran sendiri, autentik, terarah, pembelajaran berasaskan penemuan masalah dan pembelajaran koperatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Sukiyanto, 2018).

Keupayaan guru dalam menerapkan model pembelajaran berasaskan pembelajaran kooperatif dan konstruktivisme membawa pembelajaran lebih terarah dan berstruktur, pembelajaran bermakna dan boleh diukur. Keberkesanan pembelajaran amatlah disokong oleh aktiviti pengajaran dan aktiviti pembelajaran. Proses pembelajaran perlu dilaksanakan, dinilai dan diawasi agar efektif dan berkesan. Omar (2014) menyokong pernyataan pembelajaran konstruktivis yang mempunyai praktikal amat baik berbanding pembelajaran menggunakan konvensional.

6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, pembelajaran konstruktivisme Vygotsky membantu Murid Berkeperluan Khas dalam membina pembelajaran aktif, menuai pengalaman yang pelbagai dan memahami peranan guru didalam bilik darjah. Hal ini sangat berkait rapat dalam memastikan minat pelajar secara berterusan dalam aktiviti pembelajaran. Paradigma pembelajaran murid harus selari dengan arus permodenan di era digital, maka perubahan radikal diperlukan dalam aspek pengajaran. Perubahan yang dimaksudkan adalah dengan menggalakan pengajaran dan pembelajaran dipelbagaikan dan tidak tertumpu hanya kepada penyaluran maklumat semata dari guru ke murid. Keperluan menyemak semula kemahiran pedagogi pengajaran oleh guru-guru perlu ditingkatkan bagi menyokong pembelajaran di abad ke-21 untuk semua kepelbagaian murid termasuk murid berkeperluan khas.

7.0 ACKNOWLEDGEMENTS

Penghargaan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi kerana telah membiayai Geran di bawah Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan bertajuk "Emansipasi Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran Bagi OKU Masalah Penglihatan" Kod Penyelidikan (USIM – KUIS – UKM) USIM/KKP-102/ISI/FPQS/LUAR-K/44120

8.0 RUJUKAN

- Beebe, Steven, Susan Beebe, and Mark Redmond. 2014. *Interpersonal Communication Realting to Others*. Essex: Pearson Education Limited.
- Blind, Perkin School for the. 2022. "Building Accesible and Meaningful Learning for Students." Annual Report, Massachusetts.
- C. Asri Budiningsih. 2003. Perkembangan Teori Belajar dan Pembelajaran menuju Revolusi-Sosiokultural Vytgotsky. *Dinamika Pendidikan* No. Tahun X March 2003 Muka Surat 37-48
- Choi, Hyun Chi, Tukiran Martinus, Agus Purwanto, Masduki Asbari, and Priyono Santoso. 2020. "Piaget Versus Vygotsky: Implikasi antara Persamaan dan Perbedaan." *Journal of Management Research* 286-293.

- Evi Intan Pornamasari. 2017. *Jurnal Matematika dan Pendidikan Matematik. Pengenalan Kepada Modul Pembelajaran Berbantu Flipbook Maker Dengan Model Pembelajaran Numbered Heads Together (NHT)*
- Fullan, Michael, and Geoff Scott. 2014. *New Pedagogies for Deep Learning*. Washington: Education PLUS.
- Ghani, Maszuria, Zain Kosnon, Marina Abdul Majid, and Wan Nor Siah Wan Abdullah. 2017. *Falsafah Pendidikan di Malaysia*. Petaling Jaya: Sasbadi.
- Gindis, Boris. 1999. "Vygotsky's Vision: Reshaping the Practice of Special Education for the 21st Century." *Remedial and Special Education* 333-340.
- Hardy, Michael, and Peter Taylor. 1997. "Von Gaserfeld's Radical Constructivism: A Critical Review." *Science & Education* 6 135-150.
- Mohamad, Norisin, Ahmad Zabidi Abdul Razak, and Megat Ahmad Kamaluddin Mgat Daud. 2021. "Amalan Pembelajaran decara Kolektif dan Pengaplikasian dalam Komuniti Pembelajaran Professional: perspektif Pengetua Cemerlang." *Journal of Educational Research* 13-35.
- Moskaliuk, Johannes, Franziska Bokhorst, and Ulrike Cress. 2016. "Learning from others' experiences: How patterns foster interpersonal transfer of knowledge-in-use." *Computer in Human Behaviour* 69-75.
- Omar, Zakaria. 2014. *Pendekatan Konstruktif dalam Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di kolej*. Laporan, Batu Pahat: Univ Tun Hussein Onn Malaysia.
- Sang, Mok Soon. 2010. *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran & Pembelajaran*. Ipoh: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Sukiyanto. 2018. *Pengembangan Rencana Matematika Dengan Model Kooperatif Tipe Stad dan Teori Vygotsky*. *Jurnal Pendidikan Matematik*. Vol 1. No 2. Disember 2018. 31-41
- UNICEF. 2017. *Kanak-kanak Kurang Upaya di Malaysia: Kajian melalui pengetahuan, sikap dan amalan*. Laporan, Kuala Lumpur: UNICEF.
- Ying, Boon Pong, Lee Leh Hong, and Lawrence Aloysius Aeria. 2017. *Pentaksiran dalam Pendidikan*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.